

**SOALAN NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah hospital yang masih kekurangan doktor perubatan dan sejauh manakah kebergantungan industri kesihatan negara ini terhadap tenaga dari luar negara dan bagaimanakah pelan penempatan doktor pelatih negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 31 Ogos 2015, statistik menunjukkan sebanyak 94.6 peratus atau 32,741 jawatan telah diisi daripada keseluruhan 34,616 jawatan Pegawai Perubatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,200 orang ialah Pegawai Perubatan Pakar, 18,772 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 9,769 orang Pegawai Perubatan Siswazah.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mengalami kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Sehubungan itu, sebagai langkah jangka pendek, KKM masih meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Pakar warganegara asing secara kontrak. Sehingga 31 Ogos 2015, terdapat seramai 137 orang Pegawai Perubatan Pakar yang dilantik secara kontrak untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti KKM di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 66 orang ialah warganegara Malaysia dan seramai 71 orang bukan warganegara Malaysia.

Pada masa ini, pelan penempatan untuk doktor pelatih atau Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) untuk menjalani latihan siswazah adalah dibuat sendiri oleh PPS secara atas talian melalui *e-housemen* (dengan izin) dibuka oleh KKM setiap dua (2) bulan tertakluk kepada kekosongan jawatan. Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di luar lembah Klang yang mempunyai banyak kekosongan, maka tempoh menunggu adalah lebih singkat.